

PERATURAN BADMINTON

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Permainan Peraturan Badminton Malaysia dan Persatuan Badminton Antarabangsa serta Peraturan-peraturan Am PSKPP Johor.

2. JENIS PERTANDINGAN / PEMBENTUKAN PASUKAN

- 2.1. Pertandingan dijalankan secara individu mengikut kategori berikut :
 - 2.1.1. Perseorangan Wanita
 - 2.1.2. Perseorangan Lelaki
- 2.2. Setiap Daerah dibenarkan menghantarkan tidak lebih daripada 3 penyertaan dalam kategori Perseorangan Lelaki dan 2 penyertaan dalam kategori Perseorangan Wanita , 1 pengurus dan 1 orang jurulatih dan seorang pengadil.
- 2.3. Setiap orang pemain hanya dibenarkan bermain dalam satu kategori / acara sahaja.

3. SISTEM PERTANDINGAN

- 3.1. Undian akan dijalankan oleh Pengelola dengan seeded pemenang bagi tahun 2012.
- 3.2. Bagi tujuan menentukan Johan keseluruhan, penentu pemenang berdasarkan system mata (5 , 3, 2, dan 1) akan diberikan kepada pemenang setiap kategori.
- 3.3. Sistem kiraan 21 akan digunapakai pada kejohanan ini dan tiada gantian dibenarkan selepas mendaftarkan diri.

4. KELAYAKAN PEMAIN

- 4.1. Peringkat Umur (Terbuka)

5. KELEWATAN

- 5.1. Tiap-tiap peserta mestilah melaporkan diri kepada refri kehormat di gelanggang pertandingan 30 minit sebelum masa yang ditetapkan bagi perlawanan tersebut.
- 5.2. Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada pasukan yang lewat. Selepas tamat masa tersebut tanpa surat tunjuk sebab yang munasabah secara bertulis oleh Pengurus Pasukan terlibat.

6. PAKAIAN PEMAIN

- 6.1. Sebarang jenis pakaian sukan dibenarkan tetapi tertakluk kepada syarat-syarat pengiklanan mengikut Undang-undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF)

7. JENAMA BULU TANGKIS

- 7.1. Jemana yang akan digunakan ialah DUNLOP GREEN

8. REFRI KEHORMAT/ PENGADIL/ PENJAGA GARISAN

- 8.1. Seorang refri Kehormat akan dilantik oleh pengelola.
- 8.2. Keputusan Refri Kehormat terhadap undang-undang permainan badminton pesta adalah muktamad.
- 8.3. Semua pasukan dikehendaki membawa 2 orang pengadil bertauliah atau berpengalaman dari kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan pengelola berhak melantik daripada pegawai tempatan.
- 8.4. Hakim Garisan adalah terdiri dari pemain-pemain dari pasukan yang sedang bertanding.

9. BANTAHAN

- 9.1. Sila rujuk Undang-undang dan Peraturan Am PSKPPJ

10. PENANGGUHAN PERMAINAN

- 10.1. Jika permainan yang sedang dijalankan terpaksa ditangguhkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, permainan itu akan disambung sekiranya dapat dijalankan pada hari yang sama.
- 10.2. Sekiranya terpaksa ditunda kepada hari esok, permainan itu dikira bermain semua dengan kedudukan mata 0-0 regu pertama.
- 10.3. Pengelola berhak menukar tempat, mengubah masa dan lain-lain jika difikirkan perlu bagi kelicinan kejohanan ini.

11. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Bagi perkara-perkara yang tidak dibekalkan/dinyatakan dalam Undang-undang dan Peraturan Am PSKPP Johor, Jawatankuasa Pengelola adalah berhak membuat keputusan dan segala keputusannya adalah muktamad.